**TEKS UCAPAN**

**Y.B. DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB**

**MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

**SEMPENA:**

**MAJLIS PELANCARAN**

**SKUAD PENGGUNA**

**PADA:**

**18 MEI 2012 (JUMAAT)**

**3 PTG**

**DI:**

**SABAH**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera Dan Salam 1 Malaysia

Yang Saya Hormati Saudara Pengerusi Majlis,

**YANG BERHORMAT TAN SRI PANGLIMA BERNARD GILUK DOMPOK**

MENTERI PERUSAHAAN,
PERLADANGAN DAN KOMODITI

**YANG BERBAHAGIA DATO' DAUD BIN TAHIR**
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
PERDAGANGAN DALAM NEGERI
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

**YANG BERUSAHA ENCIK NICHOLAS @ WILLIAM SAMPIL**
PEGAWAI DAERAH PENAMPANG

**YANG BERUSAHA ENCIK NOOR ALAM KHAN BIN A WAHID KHAN**
PENGARAH
PEJABAT PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN SABAH

**YANG BERBAHAGIA DATUK AMISAH YASSIN**
PENGERUSI BERSAMA
GERAKAN PENGGUNA NEGERI SABAH

WAKIL-WAKIL DARI NGO KEPENGGUNAAN DAN BUKAN KEPENGGUNAAN

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN DAN NEGERI, KETUA-KETUA AGENSI, KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

SETERUSNYA PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN



**PENDAHULUAN**

1. ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAH KURNIANYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERKUMPUL PADA HARI YANG PENUH BERMAKNA INI SEMPENA MAJLIS PELANCARAN SKUAD PENGGUNA PERINGKAT NEGERI SABAH.

**PENGENALAN SKUAD PENGGUNA**

PARA HADIRIN SEKALIAN,

2. DENGAN KEMAJUAN NEGARA YANG DICAPAI SERTA CABARAN GLOBALISASI DAN TRANSAKSI PERNIAGAAN YANG SEMAKIN

MENCABAR BAIK DI BANDAR MAHUPUN DI LUAR BANDAR, KESEDARAN KEPENGGUNAAN PERLU DIPERTINGKATKAN UNTUK MEMBOLEHKAN PENGGUNA MEMAINKAN PERANAN YANG AKTIF DAN BERKESAN SERTA MAMPU MENJADI SATU KUASA PENTING DALAM PEMBENTUKAN SOSIO EKONOMI NEGARA.

3. JUSTERU ITU, DALAM USAHA UNTUK MEMASTIKAN PENGGUNA MEMAINKAN PERANAN DI DALAM PASARAN, KPDNKK TELAH MENGAMBIL INISIATIF DENGAN MENGADAKAN PENJENAMAAN SEMULA RAKAN PENGGUNA MELALUI PELANCARAN SKUAD PENGGUNA.



4. SKUAD PENGGUNA YANG DAHULUNYA DIKENALI DENGAN NAMA **SUKARELAWAN PEMANTAU HARGA** MULA DITUBUHKAN PADA TAHUN **2001**, YANG KEMUDIANNYA DINAMAKAN SEBAGAI **RAKAN PENGGUNA**. KUMPULAN YANG DIBENTUK SECARA SUKARELA INI MERUPAKAN **'MATA DAN TELINGA**' KERAJAAN YANG MEMAINKAN PERANAN MEMBANTU KPDNKK DENGAN MENYALURKAN MAKLUMAT AKTIVITI PERNIAGAAN YANG TIDAK BERETIKA.

5. **PENSTRUKTURKAN SEMULA RAKAN PENGGUNA KEPADA SKUAD PENGGUNA** MEMBERI NAFAS BARU DARI SEGI **PENSTRUKTURAN MISI DAN PERANAN, IMEJ SERTA KEISTIMEWAAN** YANG DAPAT DINIKMATI OLEH AHLI-

AHLI SKUAD PENGGUNA. BERBANDING DAHULU, KEAHLIAN RAKAN PENGGUNA HANYA TERDIRI DARIPADA INDIVIDU-INDIVIDU YANG TIDAK MEMPUNYAI STRUKTUR YANG JELAS SERTA TIADA KEISTIMEWAAN DIBERIKAN KEPADA RAKAN PENGGUNA.

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

**RASIONAL PENJENAMAAN SEMULA RAKAN PENGGUNA KEPADA SKUAD PENGGUNA**

6. PENJENAMAAN SEMULA RAKAN PENGGUNA KEPADA SKUAD PENGGUNA INI ADALAH SATU LANGKAH YANG TEPAT OLEH KPDNKK DALAM



USAHA UNTUK **MEMPERKASAKAN PENGGUNA DI PASARAN DAN MENGGALAKKAN AMALAN PERNIAGAAN YANG BAIK OLEH PARA PENIAGA**.

7. PADA MASA INI, TAHAP KESEDARAN PENGGUNA MASIH RENDAH DAN BANYAK USAHA PERLU DILAKUKAN. KITA BERHARAP PADA **TAHUN 2020**, KITA DAPAT MENCAPAI **KESEIMBANGAN EKO-SISTEM DASAR PENGGUNA NEGARA 2020, DI MANA PENGGUNA MENGAMALKAN PERLINDUNGAN KENDIRI, PENIAGA MENGAWALSELIA KENDIRI DAN PERANAN KERAJAAN SEBAGAI FASILITATOR DAN PEMBUAT DASAR YANG KONDUSIF**.

8. PENGGUNA TIDAK BOLEH MENGHARAPKAN PERLINDUNGAN, PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN SEPENUHNYA DARIPADA KERAJAAN SEMATA-MATA. HAL INI KERANA PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH INDIVIDU DAN KELUARGA SEBAGAI PENGGUNA MEMBERI KESAN KEPADA EKONOMI NEGARA.

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

**KERJASAMA NGO PENGGUNA, NGO BUKAN PENGGUNA DAN PENIAGA DALAM SKUAD PENGGUNA**

PARA HADIRIN YANG DI HORMATI SEKELIAN,



9. PENJENAMAAN SEMULA SKUAD PENGGUNA INI TELAH MENDAPAT **SAMBUTAN BAIK** DARI PELBAGAI PIHAK. SOKONGAN PADU DARI PIHAK NGO, PERTUBUHAN KESATUAN SEKERJA (CUEPACS) SERTA PIHAK PENIAGA, MENUNJUKKAN KEWUJUDAN KUMPULAN SUKARELAWAN SEUMPAMA INI MASIH RELEVAN DALAM MASYARAKAT. SINERGI INI BERMATLAMAT UNTUK MENINGKATKAN ILTIZAM DAN KESUNGGUHAN SKUAD PENGGUNA BERGANDING BAHU BERSAMA NGO, PENIAGA DAN KERAJAAN BAGI MEMBANTU MEMPERTINGKATKAN KESEDARAN KEPENGGUNAAN.

## KEISTIMEWAAN AHLI SKUAD PENGGUNA

10. DI BAWAH PENJENAMAAN SKUAD PENGGUNA INI, AHLI-AHLI AKAN MENDAPAT KEISTIMEWAAN MENGGUNAKAN **KAD SKUAD PENGGUNA**. KAD SKUAD PENGGUNA INI MERUPAKAN **KAD LOYALTI, KAD DISKAUN DAN PENGENALAN DIRI SKUAD PENGGUNA.** USAHA INI DIBUAT DENGAN **KERJASAMA BANK RAKYAT DENGAN 36 RAKAN DAGANG** YANG PADA MASA INI TERDIRI DARIPADA KOPERASI-KOPERASI DALAM MENAWARKAN 6 KATEGORI BERIKUT IAITU **PELANCONGAN, PERKHIDMATAN, PERUNCITAN, PELADANGAN, PENERBANGAN DAN PERHOTELAN**



## PENDAFTARAN SKUAD PENGGUNA

11. BAGI MENDAFTAR DIRI SEBAGAI AHLI SKUAD PENGGUNA PARA HADIRIN SEKALIAN BOLEH MELAYARI **PORTAL 1 MALAYSIA PENGGUNA BIJAK** (www.1pengguna.com/sp). DENGAN KERJASAMA BANK RAKYAT, AHLI-AHLI SKUAD PENGGUNA YANG BERDAFTAR AKAN DIBERIKAN KAD SKUAD PENGGUNA DARI MANA-MANA 135 CAWANGAN BANK RAKYAT DI SELURUH MALAYSIA. AHLI SKUAD PENGGUNA AKAN MENIKMATI KISTIMEWAAN DISKAUN KEATAS PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN OLEH *MERCHANT* YANG MENGAMBIL BAHAGIAN (RAKAN DAGANG BANK RAKYAT) YANG MENYERTAI PROGRAM

INI. SELAIN ITU, PORTAL INI JUGA MERUPAKAN **MEDAN INTERAKTIF DIKALANGAN PENGGUNA** YANG MEMAPARKAN PELBAGAI INFORMASI BERKAITAN PENGGUNA SEPERTI *PRICEWATCH*, BERITA TERKINI, TIPS PENGGUNA, BLOG, SOAL JAWAB BERSAMA MENTERI, AKTIVITI GPS DAN BERMACAM-MACAM LAGI AGAR DAPAT DIJADIKAN PANDUAN KEPADA MASYARAKAT AGAR MENJADI PENGGUNA YANG LEBIH PRIHATIN, PROAKTIF DAN BERTANGGUNGJAWAB SELARAS DENGAN **DASAR PENGGUNA NEGARA (DPN).**

**PERANAN KEMENTERIAN**

HADIRIN SEKALIAN,



12. PIHAK KEMENTERIAN SENTIASA BERTINDAK **PROAKTIF DALAM MELINDUNGI PENGGUNA** SAMADA SECARA PERUNDANGAN, MEKANISME TUNTUTAN PENGGUNA DAN LITERASI (PENDIDIKAN DAN KESEDARAN) PENGGUNA. ANTARA INISIATIF YANG TELAH DILAKSANAKAN KEMENTERIAN IALAH MEMBUAT PINDAAN AKTA SERTA MEWUJUDKAN AKTA BARU BAGI MENJAMIN KESEJAHTERAAN PENGGUNA.

13. WALAU BAGAIMANAPUN, PERKARA UTAMA YANG PERLU SEMUA PENGGUNA FAHAMI IALAH **PERLINDUNGAN YANG TERBAIK ADALAH PERLINDUNGAN KENDIRI**. PEMBINAAN **KAPASITI PENGGUNA**

**YANG DITAKRIFKAN SEBAGAI PENGGUNA BIJAK MEMERLUKAN KERJASAMA SECARA KOLEKTIF DARIPADA PELBAGAI PIHAK.** INI AKAN MEMBANTU MEWUJUDKAN MASYARAKAT YANG LEBIH BERKUALITI DAN MEMBENTUK PENGGUNA YANG BERPERANAN MEMASTIKAN NILAI UNTUK WANG, NILAI UNTUK MANUSIA, NILAI UNTUK PERSEKITARAN, SERTA NILAI UNTUK DEMOKRASI DAN KEADILAN DAPAT DINIKMATI SECARA SEJAGAT.

**TANGGUNGJAWAB KERAJAAN MERINGANKAN BEBAN RAKYAT**

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI,



14. KPNDKK SENTIASA MENGUTAMAKAN RAKYAT DARI ASPEK KEPENGGUNAAN. **KERAJAAN TERUS KOMITED MEMBERIKAN SUBSIDI** DAN SENTIASA MENCARI ALTERNATIF-ALTERNATIF BARU BAGI MEMBANTU MERINGANKAN BEBAN TANGGUNGAN RAKYAT.

15. **PELBAGAI INISIATIF BARU TELAH DIPERKENALKAN OLEH YAB PERDANA MENTERI DALAM MEMBANTU RAKYAT YANG TERBUKTI MAMPU MERINGANKAN BEBAN RAKYAT**.

16. ANTARA INISIATIF YANG TELAH DILAKUKAN OLEH KERAJAAN ADALAH KEDAI RAKYAT 1MALAYSIA (KR1M) YANG MENAWARKAN BARANGAN

PRODUK 1MALAYSIA PADA HARGA YANG JAUH LEBIH RENDAH BERBANDING BARANGAN BERJENAMA YANG LAIN. **SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA DI SABAH, SATU KR1M AKAN DIBUKA DI KOTA KINABALU MENJELANG AKHIR JUN 2012.**

17. DI SAMPING ITU, KEMENTERIAN JUGA SEDANG GIAT MEMPROMOSIKAN PAKEJ MAKANAN MURAH IAITU **MENU RAKYAT 1 MALAYSIA (MR1M)**. MR1M MENYEDIAKAN PAKEJ SARAPAN PAGI DI BAWAH HARGA RM2 DAN MAKAN TENGAHARI SEMURAH RM4. **DI SABAH SAHAJA, SEBANYAK 59 PREMIS TELAH MENYERTAI PROGRAM INI TERMASUK 12 PREMIS DI IPT.**



18. BAGI MENINGKATKAN TAHAP DAYA SAING DALAM PERSEKITARAN PERNIAGAAN PERUNCITAN YANG KOMPETITIF, KEMENTERIAN PADA MASA KINI TELAH MEMODENKAN **KEDAI RUNCIT TRADISIONAL MENERUSI PROJEK TRANSFORMASI KEDAI RUNCIT ATAU 'TUKAR'. DI SABAH SAHAJA, SEBANYAK 23 PROJEK TUKAR TELAH DILAKSANAKAN.**

**PENUTUP**

19. AKHIR KATA, HARAPAN SAYA AGAR **SKUAD PENGGUNA MEMAINKAN PERANAN PENTING SAMA ADA BERGERAK SECARA INDIVIDU ATAUPUN MELALUI NGO, DALAM MEWUJUDKAN KERJASAMA**

**TRIPARTITE ANTARA KERAJAAN, SEKTOR SWASTA DAN NGO.** KEMENTERIAN INI TIDAK AKAN PERNAH BERPUTUS ASA UNTUK MENCARI **TITIK KESEIMBANGAN ANTARA KEHENDAK PENGGUNA DAN KEUNTUNGAN PENIAGA**, AGAR KEDUA-DUANYA DAPAT MENCAPAI TITIK PERTEMUAN YANG MEMBERIKAN KEPUASAN UTILITI MAKSIMUM KEDUA-DUA PIHAK.

20. KERAJAAN MELETAKKAN HARAPAN YANG TINGGI TERHADAP SKUAD PENGGUNA AGAR DAPAT MEMBANTU PIHAK KERAJAAN UNTUK MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG MELALUI KERJASAMA DAN SOKONGAN ORANG RAMAI. **PADA TAHUN INI,**



**KPDNKK MENSASARKAN SERAMAI 50,000 ORANG BERDAFTAR DI SELURUH MALAYSIA.**

21. SAYA JUGA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH SAMA-SAMA MENYOKONG USAHA KPDNKK.

22. DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRAHMANIRAHIM**, SAYA DENGAN SUKACITANYA MELANCARKAN SKUAD PENGGUNA PERINGKAT NEGERI SABAH.**